

UMT anjur bengkel 'grooming' untuk kakitangan



Peserta bergambar setelah tamat bengkel 'Grooming' dan Hias Diri yang diadakan Universiti Teknologi Malaysia (UMT) dengan kerjasama Singgahsana Balqis Spa Aromaterapi di Dewan Redang, UMT.

Panduan yang diberikan tenaga pakar memberi keyakinan kepada kakitangan UMT mengenakan alat solek untuk ke pejabat.

■ NORHAFIZA MUSA

KUALA TERENGGANU – Seramai 40 wanita menghadiri Bengkel Grooming Rias Diri anjuran bersama Persatuan Setiausaha Universiti Teknologi Malaysia (UMT)

SH 14/04/08 PG-TLB

Terengganu (Pesuma) dan Singgahsana Balqis Spa Aromaterapi bertempat di Dewan Redang UMT.

Bengkel setengah hari tersebut antara lain memberi panduan untuk demonstrasi dan panduan solekan, dandanan rambut, penjagaan kesihatan dan juga pertandingan solekan terdiri dalam kalangan kakitangan UMT.

Menurut Pengerusi Pesuma, Wan Sarimah Wan Razak, bengkel ini sedikit sebanyak dapat menambah pengetahuan peserta berkaitan solekan untuk ke pejabat.

"Pesuma juga berterima kasih kepada Singgahsana Balqis kerana penganjuran bengkel ini dapat menambah pengetahuan

berkaitan dengan solekan yang sesuai untuk ke pejabat serta cara yang betul," ujarnya.

Katanya, jika sebelum ini ramai yang tidak yakin untuk menggunakan alat solek kini mereka boleh menggunakannya dengan panduan yang diberikan dalam bengkel ini oleh mereka yang pakar.

Bagi Pengurus Singgahsana Balqis, Wan Faridah Wan Ibrahim, bengkel ini adalah yang pertama kali diadakan dan akan dianjurkan di beberapa lokasi lagi, iaitu sekitar Kuala Terengganu selepas ini.

"Kami ingin berkongsi panduan menjaga kecantikan dan teknik solekan yang betul khususnya untuk wanita bertudung," katanya.